

Gaming & Lottery Management

GAMING

Malaysia

The Number Forecast Operators (NFO) industry continued to suffer from the effect of the Asian financial crisis during the financial year under review.

On the whole, Sports Toto Malaysia performed better than the other NFOs. While the other operators registered declines in turnover ranging from 2% to 9%, Sports Toto Malaysia reported a turnover of RM2.27 billion, an increase of 5.6% over the previous year's turnover of RM2.15 billion.

Profit before tax was 9.1% lower at RM375.8 million compared to RM413.6 million in the previous year. This was attributed to the effect of an increase in gaming tax and pool betting duties enforced on 1 November 1998, being fully reflected in the financial year ended 30 April 2000 compared to a six month impact in the previous corresponding year.


Overseas

In the Philippines, a new game called Superlotto 6/49 was launched on 2 July 2000 and the first draw was held on 16 July 2000. Draws for this game are held weekly on Sunday.

With the introduction of the new game, there are now a total of five games, the others being the Lotto 6/42, Megalotto 6/45, 4 Digit and 6 Digit games. Currently, there are over 1,300 terminals operating in more than 900 outlets in Manila and other provincial cities in Luzon Island.



The Computer Room which houses the central computer system.



A Sports Toto outlet.

In Ghana, draws for the Super 5/90 and 6/40 Jackpot games continue to be held weekly on Tuesday and Wednesday respectively. Over 100 off-line PC based terminals are operating in the capital city of Accra and nearby cities.

Due to a need to maintain operational efficiency, the company will be implementing a new on-line lottery system and replace some of the existing on-line selling terminals purchased in 1989. With the advent of electronic commerce, Sports Toto Malaysia is concurrently looking into selling its products through distribution channels other than its conventional outlets. In line with this, an added feature will be introduced after the implementation of the new on-line system to enable sales to be captured from these distribution channels as well as the on-line selling terminals.

A total estimated capital expenditure of more than RM30 million is expected to be incurred for this exercise in the current financial year. The implementation exercise will be carried out in phases with the new on-line lottery system maintained in parallel with the existing on-line lottery system for a period of time, during which time the rest of the existing on-line terminals will be replaced as the need arises.

With the continued recovery in the Malaysian economy, it is anticipated that this will lead to increasing NFO sales as disposal income and consumer spending increases.

Given the improving economic growth and barring unforeseen circumstances, the Directors anticipate that the results for the current financial year ending 30 April 2001 will be better than the year under review.

PERTARUHAN

Malaysia

Industri pengendali-pengendali Nombor Ramalan (NFO) terus terjejas, kesan daripada krisis kewangan Asia pada tahun kewangan dalam kajian.

Pada keseluruhannya, prestasi Sports Toto Malaysia adalah lebih baik daripada NFO-NFO lain. Manakala pengendali-pengendali lain mencatatkan penguncupan jumlah dagangan di antara 2% hingga 9%, Sports Toto Malaysia telah mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM2.27 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 5.6% daripada jumlah dagangan RM2.15 bilion tahun lalu.

Keuntungan sebelum cukai adalah 9.1% lebih rendah, iaitu RM375.8 juta berbanding dengan RM413.6 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan ini adalah kesan kenaikan cukai pertaruhan dan duti pertaruhan pool yang berkuatkuasa pada 1 November 1998 yang digambarkan keseluruhannya pada tahun kewangan berakhir 30 April 2000, berbanding dengan kesan 6 bulan atas cukai tahun sebelumnya.

Luar Negara

Di Filipina, permainan baru Superlotto 6/49 telah dilancarkan pada 2 Julai 2000 dan cabutan pertamanya diadakan pada 16 Julai 2000. Cabutan-cabutan untuk permainan ini diadakan pada setiap hari Ahad.

Dengan pengenalan permainan baru ini, kini terdapat sejumlah lima permainan, termasuk Lotto 6/42, Megalotto 6/45, permainan 4 digit dan permainan 6 digit. Pada masa ini terdapat lebih daripada 1,300 terminal beroperasi di lebih 900 premis di Manila dan lain-lain bandar di Pulau Luzon.

Di Ghana, cabutan-cabutan permainan Super 5/90 dan Jackpot 6/40 terus diadakan pada setiap hari Selasa dan Rabu. Lebih daripada 100 terminal berasaskan komputer peribadi 'off-line' sedang beroperasi di ibu kota Accra dan bandaraya-bandaraya yang berdekatan.

Sebagai keperluan mengekalkan kecekapan operasi, syarikat akan melaksanakan sistem loteri on-line baru dan menukar sesetengah daripada terminal penjualan on-line yang di beli pada tahun 1989. Dengan kemajuan elektronik

dagangan, Sports Toto Malaysia kini sedang mengkaji untuk menjual produknya melalui saluran-saluran yang lain daripada premis-premis jualan biasanya. Sehubungan ini, satu ciri tambahan akan diperkenalkan selepas pelaksanaan sistem on-line baru untuk membolehkan jualan

dapat dikesan dari saluran-saluran pengedaran ini dan juga dari terminal-terminal jualan on-line.

Anggaran modal perbelanjaan berjumlah lebih daripada RM30 juta dijangka akan digunakan untuk keperluan ini pada tahun kewangan semasa. Perbelanjaan ini akan dilaksanakan dengan sistem loteri on-line baru secara berperingkat-peringkat selari

dengan sistem loteri on-line sedia ada dalam suatu tempoh. Pada masa itu terminal on-line sedia ada yang lain akan diganti mengikut keperluan.


Pemulihan ekonomi Malaysia yang berterusan dijangka akan meningkatkan jualan NFO dengan bertambahnya pendapatan tolak cukai dan perbelanjaan pengguna.

Berasaskan pertumbuhan ekonomi yang kian bertambah dan berwaspada dengan keadaan di luar dugaan, Pengarah-pengarah menjangka prestasi bagi tahun kewangan semasa yang berakhir 30 April 2001 akan lebih baik daripada tahun dalam kajian.



A draw being conducted in The Philippines.

Financial Services



Stock price TV wall at Inter-Pacific Securities' viewing gallery.

STOCKBROKING

Inter-Pacific Capital Sdn Bhd recorded a surge in profits, contributed mainly by its two stockbroking subsidiaries, Inter-Pacific Securities Sdn Bhd ("IPS") and Eng Securities Sdn Bhd ("ENG"). Pre-tax profit soared to RM111 million, an increase of 188.3% as compared to RM38.7 million achieved in the previous financial year. Turnover also registered a substantial increase of 189.4% to RM192 million from RM66.4 million in the previous financial year.

The improved performance was mainly due to the general upward trend in the stock market and the increase in the volume of shares transacted on the Kuala Lumpur Stock Exchange. The value of shares transacted on the Exchange was RM649.8 billion for the 12 months ended 30 April 2000 as compared to RM190.2 billion in the preceding 12 months while the Composite Index increased from 675.0 points on 30 April 1999 to 898.4 on 30 April 2000.

The futures market, on the other hand, continued to be lacklustre with low trading volumes. Despite the difficult market conditions, Inter-Pacific Futures Sdn Bhd recorded a satisfactory pre-tax profit of RM877,000 for the financial year ended 30 April 2000.

In tandem with the rapid development in information technology and e-commerce, IPS and ENG launched an internet-based client ordering system known as PacOnline and EngOnline respectively in August 2000. This system enables clients to transmit their orders via the Internet to be executed by the dealers. In addition, it also has features which allow users access to live price quotes, market information, corporate news and technical charts. IPS and ENG have been enhancing their services and systems and had recently obtained ISO9002 certifications for their CDS Department and Margin Department respectively. This marked a milestone as IPS and ENG became the first two stockbroking companies in Malaysia to obtain ISO9002 certifications.

Although our economy has emerged from the crisis and is back on the growth path, the stockbroking industry is presently faced with various challenges as it braced itself for a consolidation in the industry. Taking into consideration the reduction in brokerage rates and the challenges ahead, Inter-Pacific Capital



Main entrance to Inter-Pacific Securities.

Sdn Bhd expects to report satisfactory operating results for the financial year ending 30 April 2001.

GENERAL INSURANCE

For the financial year under review, **Berjaya General Insurance Berhad** recorded an increase in the overall operating pre-tax profit of 118.6% to RM41.4 million compared to RM18.9 million in the previous year.

Despite a drop in claims loss ratio from 65.6% to 60.08%, underwriting profit achieved was RM8.0 million compared to RM9.6 million in the previous year due to a drop in earned premium from RM96.9 million to RM83.7 million.

Performance from investment in quoted securities was good due to the improved stock market activities with a net profit of RM22.5 million after write back of provision for diminution in value of investment compared to a net loss of RM7.1 million last year. Other investment income generated RM10.9 million compared to RM16.4 million last year, attributed mainly to declining interest rates which affected fixed deposit interest income.

With the recovery of the economy, the outlook for the insurance industry looks good and the company is optimistic of its prospects for the next financial year. We see great opportunities as well as challenges ahead and with the commitment and efforts of all involved, the company looks forward to a bright future while it prepares itself for the accelerating pace of change experienced by the insurance industry in the coming years.

HIRE PURCHASE AND LEASING

Prime Credit Leasing Sdn Bhd recorded an increase in operating revenue of 8.5% from RM24.7 million in the previous year to RM26.8 million. This was mainly due to the recognition of interest-in-suspense arising from the full settlement of some loan accounts.

Despite accounting for the write-down in value of quoted shares, pre-tax profit increased significantly from RM252,000 to RM4.5 million due to the write-back of provision for doubtful debt upon full settlement of some loan accounts and improved security value of collaterals pledged.

The economic growth this year will be focused on the service, manufacturing and agricultural sectors which are the major contributors to the economy. The government's emphasis on K-economy (knowledge-driven economy) through the development of the information technology industry, would be the new focus of financing. The company would look into the vast potential in this sector.

While domestic demand is the main impetus for growth, consumer financing and Employee Share Option Scheme (ESOS) financing within the Berjaya Group of Companies will be maintained. Loans growth will be in tandem with Bank Negara's targeted growth of at least 10% this year due to an increase in market share of key loan products.

PEMBROKERAN SAHAM

Inter-Pacific Capital Sdn Bhd telah mencatatkan keuntungan yang melambung tinggi, sebahagian besar sumbangan daripada kedua-dua anak syarikat pembrokeran sahamnya, Inter Pacific Securities ("IPS") dan Eng Securities Sdn Bhd ("ENG"). Keuntungan sebelum cukai telah melonjak naik ke RM111 juta, iaitu peningkatan sebanyak 188.3% berbanding dengan RM38.7 juta diperolehi pada tahun kewangan sebelumnya. Jumlah dagangan juga telah mencatatkan kenaikan yang tinggi sebanyak 189.4% kepada RM192 juta dari RM66.4 juta pada tahun sebelumnya.

Prestasi yang memberangsangkan ini disebabkan oleh arah aliran pasaran saham dan peningkatan jumlah saham yang diniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Nilai saham-saham yang diniagakan di Bursa Saham adalah RM649.8 bilion bagi 12 bulan berakhir 30 April 2000 berbanding dengan RM190.2 bilion bagi tempoh 12 bulan sebelumnya, manakala Indeks Komposit telah meningkat dari 675.0 mata pada 30 April 1999 kepada 898.4 mata pada 30 April 2000.

Walaupun bagaimanapun, pasaran hadapan terus lembap dengan jumlah perniagaan yang rendah. Walaupun keadaan pasaran adalah sukar, Inter-Pacific Futures Sdn Bhd telah mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM877,000 bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2000.

Selaras dengan perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan e-dagang, IPS dan ENG melancarkan sistem pesanan pelanggan berasaskan internet yang dikenali sebagai PacOnline dan EngOnline, masing-masing pada Ogos 2000. Sistem ini membolehkan pelanggan-pelanggan membuat pesanan melalui Internet untuk dikendalikan oleh pengedar-pengedar. Sistem ini juga mempunyai kemudahan untuk pengguna mendapatkan sebutbarga saham secara langsung, maklumat pasaran, berita korporat dan carta-carta teknikal. IPS dan ENG telah mempertingkatkan perkhidmatan dan sistem mereka dan baru-baru ini mendapat pengiktirafan ISO9002 bagi Jabatan CDS dan Jabatan Margin masing-masing. Pencapaian ini adalah titik permulaan bagi Kumpulan setelah IPS dan ENG menjadi dua syarikat pembrokeran saham yang pertama di Malaysia mendapat pengiktirafan ISO9002.

Walaupun ekonomi negara kita telah pulih dari krisis dan kembali membangun, industri pembrokeran saham kini menghadapi berbagai cabaran semasa dalam mengukuhkan kedudukannya di dalam industri. Inter Pacific Capital Sdn. Bhd. dijangka akan mencatatkan keputusan operasi yang memuaskan bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2001 dengan mengambil kira penurunan kadar brokeran dan cabaran-cabaran di masa hadapan.

INSURAN AM

Bagi tahun kewangan dalam kajian, **Berjaya General Insurance Berhad** secara keseluruhannya mencatatkan peningkatan dalam keuntungan operasi sebelum cukai sebanyak 118.6% ke RM41.4 juta berbanding dengan RM18.9 juta pada tahun sebelumnya.

Walaupun terdapat penurunan nisbah tuntutan kerugian daripada 65.6% ke 60.08%, keuntungan taja jamin

mencatat jumlah sebanyak RM8.0 juta berbanding dengan RM9.6 juta dalam tahun sebelumnya, ekoran kekurangan perolehan premium dari RM96.9 juta ke RM83.7 juta.

Prestasi pelaburan dalam sekuriti disebutbarga adalah baik kesan aktiviti pasaran saham yang semakin pulih dengan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM22.5 juta selepas pengembalian peruntukan rosotnilai pelaburan, berbanding dengan kerugian bersih sebanyak RM7.1 juta tahun lepas. Pendapatan dari pelaburan lain adalah RM10.9 juta berbanding dengan RM16.4 juta tahun lepas. Sebab utama penurunan ini adalah penurunan kadar faedah yang menjejaskan pendapatan dari faedah simpanan tetap.

Dengan pulihnya ekonomi, syarikat yakin prospek industri insurans adalah cerah dalam tahun kewangan semasa. Dengan adanya pelbagai peluang dan cabaran yang bakal datang serta komitmen dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat, Syarikat berharap akan melalui masa depan yang cerah dalam persediaannya menghadapi perubahan yang cepat yang dialami oleh industri insurans di tahun-tahun akan datang.

SEWA BELI DAN SEWA PAJAK

Prime Credit Leasing Sdn Bhd telah mencatatkan peningkatan jumlah dagangan operasi sebanyak 8.5% daripada RM24.7 juta pada tahun lalu kepada RM26.8 juta. Sebahagian besar peningkatan ini disebabkan pengambilan kira faedah terakru hasil daripada bayaran penuh pinjaman.

Sungguhpun nilai pelaburan dalam saham disebut harga telah menyusut, peningkatan yang tinggi dalam keuntungan sebelum cukai dari RM252,000 ke RM4.5 juta adalah disebabkan oleh pengembalian peruntukan hutang ragu berikutan pembayaran habis hutang dan peningkatan nilai sekuriti atas cagaran kolateral.

Pertumbuhan ekonomi tahun ini akan memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian yang menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara. Penekanan kerajaan ke atas K-ekonomi (ekonomi dorongan pengetahuan) melalui pembangunan industri teknologi maklumat, akan menjadi tumpuan baru pembiayaan kewangan. Syarikat akan mengkaji potensi luas dalam sektor ini.

Manakala permintaan domestik adalah penggerak utama pembangunan, pembiayaan kewangan pelanggan dan pembiayaan Skim Opsyen Saham Untuk Kakitangan (ESOS) dalam Syarikat-Syarikat Kumpulan Berjaya akan dikekalkan. Pertumbuhan pinjaman-pinjaman akan selaras dengan pertumbuhan sasaran Bank Negara sebanyak sekurang-kurangnya 10% tahun ini ekoran peningkatan bahagian pasaran untuk produk-produk pinjaman utama.



Hotels, Resorts & Recreation Development

HOTELS AND RESORTS DEVELOPMENT

Berjaya Hotels & Resorts ("BHR") has over a relatively short period established itself as one of the top owner-operated hospitality chains in Malaysia. The hotels and resorts are all strategically located in Malaysia, Mauritius, Seychelles, Fiji, Sri Lanka and the United Kingdom. These prime locations coupled with creative and aggressive marketing and promotional initiatives and excellent customer service has enabled BHR to withstand the economic crisis and emerge leaner and stronger to face the challenges of the new millennium.

During the year under review, BHR upgraded its computer systems and successfully crossed over the Year 2000 without any glitches. BHR will continue to focus strongly on customer service and has just successfully completed a courtesy campaign aptly named "Courtesy Comes from The Heart".

VACATION TIMESHARE

For the year under review, **Berjaya Vacation Club** ("BVC") recorded a 95% increase in turnover as compared to the last financial year. This was mainly due to a significant increase in number of memberships from 7,000 to more than 10,000 as a result of the effective new marketing strategy adopted by the company in January 1999.

As one of the most credible timeshare companies in Malaysia, BVC participated in various promotions



Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, Kuala Lumpur - coffee house.

throughout the Klang Valley particularly at various shopping complexes such as 1 Utama, Carrefour Hypermarket and Giant Hypermarket which have proven to be successful. BVC had also participated in various joint-promotion campaigns such as the Home Ownership Campaign 1999 and 2000, Franchise Asia 1999 and 2000, Sun Bonanza Hunt and Kenny Rogers Roasters Millennium Contest.

Two additional sales venue in KL Plaza, Kuala Lumpur and Subang Jaya, Selangor have also been set up during the financial year. BVC has also consolidated and relocated its entire operation to KL Plaza to provide better access to its members. With its prominent location in the precinct of Bintang Walk and a total office area of 6,300 sq. ft., this new office is not only easily accessible but can now provide all its services under one roof.

During the year, BVC relocated its Johor Bharu branch office to Menara Landmark to provide better services to its members. BVC has also opened 15 units of apartments in Meranti Park at Bukit Tinggi Resort in Bentong, Pahang for its members' use in February 2000. BVC's affiliation with Resort Condominiums International has enabled its members to stay in over 3,600 resorts in over 90 countries.

BVC is currently finalising a deal to purchase eight units of apartments in Port Dickson and also planning to purchase a block of apartments comprising 16 units of two and three bedroom apartments in Cameron Highlands.

The timeshare market is expected to continue its growth trend in view of the current positive

Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort, Malaysia.



PEMBANGUNAN HOTEL DAN PUSAT PERANGINAN

Dalam tempoh yang agak singkat, **Berjaya Hotels & Resorts** ("BHR") telah berjaya mencipta nama sebagai salah sebuah rangkaian hospitaliti kendalian pemilik yang terkemuka di Malaysia. Semua hotel dan pusat perangnya terletak di kedudukan strategik di Malaysia, Mauritius, Seychelles, Fiji, Sri Lanka dan United Kingdom. Lokasi-lokasi utama ini serta usaha pemasaran dan promosi yang kreatif dan agresif serta perkhidmatan pelanggan yang cemerlang telah membolehkan BHR bertahan dalam krisis ekonomi dan muncul lebih teguh dan kuat untuk menghadapi berbagai cabaran pada alaf baru.

Pada tahun yang ditinjau, BHR telah mempertingkatkan sistem komputernya dan berjaya melintasi Tahun 2000 tanpa sebarang gangguan. BHR akan terus memberi fokus yang mendalam terhadap perkhidmatan pelanggan dan berjaya menganjurkan satu kempen berbudi bahasa yang diberi nama "Budi Bahasa Lahir dari Hati".

PERCUTIAN PERKONGSIAN MASA

Pada tahun yang ditinjau, **Berjaya Vacation Club** ("BVC") mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak 95% berbanding pencapaiannya pada tahun kewangan yang lepas. Pertambahan ketara bilangan keahlian daripada 7,000 kepada lebih 10,000 berikutan strategi pemasaran baru yang agresif yang dirangka oleh syarikat pada bulan Januari 1999 adalah penyebab utama pencapaian prestasi yang bertambah baik itu.

Sebagai salah sebuah syarikat percutian perkongsian masa yang paling berwibawa di Malaysia, BVC telah menyertai berbagai promosi di seluruh Lembah Klang terutamanya di pusat-pusat membeli-belah seperti 1 Utama, Pasar Besar

Carrefour dan Pasar Besar Giant yang terbukti begitu berjaya. BVC turut menyertai berbagai kempen promosi bersama seperti Kempen Pemilikan Rumah 1999 dan 2000, Franchise Asia 1999 dan 2000, Sun Bonanza Hunt dan Peraduan Alaf Baru Kenny Rogers Roasters.

Pada tahun kewangan dalam tinjauan, dua tempat jualan tambahan telah dibuka di KL Plaza, Kuala Lumpur dan di Subang Jaya, Selangor. BVC juga telah menyatu dan memindahkan keseluruhan operasinya ke KL Plaza untuk menyediakan akses yang lebih baik kepada para ahlinya.


Pada tahun kewangan ini, BVC memindahkan pejabat cawangannya di Johor Bahru ke Menara Landmark untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada para ahlinya. Di samping itu, BVC juga telah membuka 15 unit pangsapuri di Meranti Park di Bukit Tinggi Resort, Bentong, Pahang untuk kegunaan para ahlinya pada bulan Februari 2000. Penggabungan BVC dengan Resort Condominiums International telah membolehkan para ahlinya menginap di lebih 3,600 pusat peranginan di lebih 90 buah negara.

Kini, BVC sedang dalam peringkat akhir perbincangan untuk membeli lapan unit pangsapuri di Port Dickson dan juga sedang merancang untuk membeli satu blok pangsapuri yang meliputi 16 unit pangsapuri dua dan tiga bilik di Cameron Highlands.

Pasaran percutian perkongsian masa dijangka akan berkembang memandangkan aktiviti ekonomi negara semasa yang positif yang menjurus kepada peningkatan permintaan untuk produk berkaitan istirehat.



Berjaya Tioman Beach Resort, Malaysia - club house.



Berjaya Redang Beach Resort, Malaysia

economic activity in the country as it leads to a higher demand for leisure related products.

CLUBS AND RECREATION


The Group's golf, equestrian and recreation Clubs continue to show better performance in tandem with the recovering economy. Confidence has improved and Club members have demonstrated an increased propensity to spend. Recruitment of new members on the other hand is hampered by the over supply of golf and recreation Clubs not only in the Klang Valley but all over the country.

Newer Clubs having to recoup their investment tend to initiate price wars. This created a lot of downward pressure on existing Clubs. Nevertheless all our Clubs have launched various membership drives and the results were encouraging.

As one of Malaysia's premier equestrian resorts, **Bukit Kiara Equestrian and Country Resort** continued to be a popular venue for VIP functions and social events. The Club's membership for the financial year stood at approximately 4,500.

With an international standard 18-hole golf course, **Bukit Jalil Golf & Country Resort** is strategically located in the heart of the Multimedia Super Corridor. During the year, the Club continued to record an impressive growth in membership with 900 additional new members, which brings the total membership to approximately 5,300.

The fully furnished seven-block Berjaya Tioman Suites is ideal for a family holiday.



Berjaya Praslin Beach Resort, Seychelles.

A major membership recruitment drive was carried out at major shopping complexes in the Klang Valley to create awareness and to promote the Club. Various other activities were organised for the members and their families in line with the image of being a family oriented Club such as 'Smartkids Fun Club' for the children and 'Mums Fun Club' for the lady members where activities such as cooking demonstrations, embroidery classes, fashion shows and health talks were carried out.

Kelab Darul Ehsan continued to maintain its popularity serving a niche to the commercial and residential clientele in Ampang township. The Club's membership stood at approximately 4,300.

The **Tioman Island Golf Club** located on Tioman Island, Pahang with an international standard 18-hole golf course is affiliated with seven other clubs in Malaysia and two clubs in Singapore. The Club has a membership strength of 1,700.

Desa WaterPark, Kuala Lumpur's largest family entertainment water ThemePark and the only ThemePark located within the Kuala Lumpur city area offers a full range of water recreation facilities for the whole family. Boasting an exciting variety of water rides and slides, it also houses the longest Master Blaster in Asia - *The Thunderbolt*. Other water recreation facilities at the Park include *Pink Slide*, *Supertube*, *Splash-Out*, *Water Factory*, *Shock Wave*, *Ripple Bay*, *Action River*, *Bubble Pool* and *Baby Wave*.

Bukit Jalil Golf & Country Resort, Kuala Lumpur.



KELAB DAN REKREASI

Kelab golf, equestrian dan rekreasi Kumpulan terus menampilkan prestasi yang bertambah baik selaras dengan pemulihan ekonomi negara. Tahap keyakinan telah bertambah baik dan para ahli Kelab semakin menunjukkan kecenderungan untuk berbelanja. Pengambilan ahli baru sebaliknya terjejas akibat lebih bilangan Kelab golf dan rekreasi bukan sahaja di Lembah Klang, tetapi juga di seluruh negara.

Beberapa Kelab baru yang ingin mengembalikan pelaburan mereka, cenderung untuk memulakan perang harga. Ini telah mewujudkan tekanan kepada Kelab-Kelab yang sedia ada untuk menurunkan harga. Walau bagaimanapun, semua Kelab kami telah melancarkan berbagai kaedah untuk menambahkan keahlian dan membawa kesan yang memberangsangkan.

Sebagai salah sebuah Kelab equestrian bertaraf perdana di Malaysia, **Bukit Kiara Equestrian and Country Resort** terus menjadi lokasi yang popular bagi majlis untuk orang-orang kenamaan dan acara sosial. Keahlian Kelab ini pada tahun kewangan ini berjumlah lebih kurang 4,500 ahli.

Dengan sebuah padang golf 18 lubang bertaraf antarabangsa, **Bukit Jalil Golf & Country Resort** mempunyai kedudukan yang strategik di tengah-tengah kawasan Koridor Raya Multimedia. Pada tahun ini, Kelab tersebut mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan pertambahan 900 ahli baru, menjadikan jumlah keahliannya kepada lebih kurang 5,300 ahli.

Satu kempen pengambilan keahlian secara besar-besaran telah dijalankan di beberapa pusat membeli-belah di

Lembah Klang untuk menerbitkan kesedaran dan mempromosi Kelab tersebut. Berbagai aktiviti dianjurkan untuk para ahli dan keluarga mereka selaras dengan imejnya sebagai sebuah Kelab berorientasikan keluarga iaitu 'Smartkids Fun Club' bagi kanak-kanak dan 'Mums Fun Club' untuk para ahli wanita di mana aktiviti seperti pertunjukan memasak, kelas menyulam, pertunjukan fesyen dan ceramah kesihatan dijalankan.

Kelab Darul Ehsan terus mengekalkan kedudukannya sebagai sebuah Kelab popular yang memenuhi keperluan khusus pelanggan perniagaan dan penduduk di perbandaran Ampang. Keahlian Kelab ini berjumlah lebih kurang 4,300 ahli.

Tioman Island Golf Club yang terletak di Pulau Tioman, Pahang dengan sebuah padang golf 18 lubang bergabung dengan tujuh lagi kelab lain di Malaysia dan dua buah kelab di Singapura. Kelab ini mempunyai keahlian seramai 1,700 orang.

Desa WaterPark, Taman Tema Air hiburan seisi keluarga yang terbesar di Kuala Lumpur dan satu-satunya Taman Tema yang terletak dalam kawasan kotaraya Kuala Lumpur menawarkan kemudahan rekreasi air yang lengkap untuk seisi keluarga. Selain mempunyai berbagai jenis permainan air dan luncur air yang menarik, Taman Tema ini juga menyediakan *The Thunderbolt* - Master Blaster yang terpanjang di Asia. Kemudahan lain yang disediakan di sini termasuk *Pink Slide*, *Supertube*, *Splash-Out*, *Water Factory*, *Shock Wave*, *Ripple Bay*, *Action River*, *Bubble Pool* dan *Baby Wave*.



Desa WaterPark, Kuala Lumpur.

Property Investment & Development



Berjaya Megamall,
Kuantan, Pahang.

PROPERTY INVESTMENT

The Group's commercial properties located in the golden triangle of Kuala Lumpur namely **KL Plaza**, **Plaza Berjaya** and **Kompleks Kota Raya** enjoyed an improvement in occupancy rates of between 77% to 81% during the year compared to the rates of between 67% to 75% in the previous year. The improvement in occupancy rates were due to the gradual improvement of the economic condition where retailers have regained confidence to re-enter the market and this has enhanced the demand for retail space. Generally, all complexes have reduced their rental rates in order to retain the existing tenants and to remain competitive.

The construction of the RM3 million huge teflon structures in front of KL Plaza in late 1999 under the 'Bintang Walk' project has pushed KL Plaza into the limelight. Since then, the number of shoppers and tourists visiting KL Plaza has increased. KL Plaza also boasts of being able to attract tenants of renown brand names such as *Planet Hollywood*, *Starbucks*, *Coffee Bean* and *Tower Records*. Two new additional tenants have recently opened in KL Plaza namely *World of Cartoons* / *Nike Town*, an outlet selling an array of *World of Cartoons*, *Nike* and *American Athletics* sportswear and accessories and *MCities Live!*, the largest one-stop music and entertainment outlet in Kuala Lumpur. The opening of these two outlets have further increased the popularity of KL Plaza among the city folks.

Berjaya Megamall, Kuantan has achieved an occupancy rate of 80% during the year compared to 71% in the previous year. The growth was due to the aggressive and innovative marketing strategies in leasing retail shops and active advertising and promotion programmes. Close cooperation with the leading Chinese newspaper in the East Coast, *Nanyang Siang Pau* has lead to wide coverage of our events and write-ups on our tenants has boosted our marketability. **Berjaya Megamall** has been regarded as a venue for well-known artistes to promote their new albums, product launches and roadshows such as *Petronas Formula One* and *Dunhill Euro 2000 Soccerfest*.

Supported by interesting promotional events every month, **Berjaya Megamall** has maintained its position as a comprehensive one-stop retail, food and entertainment shopping complex in the East Coast.

KL Plaza,
Kuala Lumpur.



PROPERTY DEVELOPMENT

PROPERTY MARKET OVERVIEW

After the sharp contraction experienced in 1998, the Malaysian economy is on the upward trend. The latest economic data clearly indicated that the Malaysian economy is well on its way to recovery. The revival of the country's economy has given rise to a more confident property market in 1999. The property market is also strengthened by the comprehensive measures undertaken by the Government and private sector to resuscitate the property and construction industries, namely low interest rates, increased financial liquidity, home ownership campaign, etc.

For the financial year 1999/2000, the Property Division has been actively procuring the necessary government approvals for the various development projects in anticipation of a rebound in the property market. The Property Division's resources were also concentrated on the development and marketing of on-going projects, which has achieved a total sales value of over RM80 million during the financial year 1999/2000 and up to May 2000.

ON-GOING PROJECTS

A major portion of the Group's landbank is concentrated within Wilayah Persekutuan and Selangor. Therefore, the development projects undertaken by the Property Division are mainly located within these two states. As at June 2000, the Property Division had completed 396 units of properties, whilst 1,105 units of properties are presently under various stages of construction.

The **Greenfields Apartments** in Bukit Jalil Golf & Country Resort comprising 482 units in three high rise blocks was launched in two phases since late 1995. Phase 1 containing 326 units in two blocks was completed in 1999 whilst Phase 2 with 156 units in the third block was completed and handed over to purchasers in January 2000. To date, 431 units or 89% have been sold and this generated a total sales value of RM90.43 million.

Another comprehensive mixed development project undertaken by the Property Division is **Berjaya Park** in Jalan Kebun, Shah Alam. Phase 1 of **Berjaya Park** involved the development of 104.25 acres of industrial land which was completed in 1998. 136 units of the single storey terrace houses were launched in stages since 1998 and to date 124 units or 86% with a total sales value of RM15.13 million, have been sold. These single storey terrace houses have been completed and vacant possession were handed over to the purchasers in May 2000. Since mid 1999, the Property Division has launched 264 units of double storey terrace houses in various stages. To date 234 units or 88.6% of the double storey terrace houses with a total sales value of RM39.44 million have been sold. The targeted date of completion of these houses will be from mid 2001 onwards.

PELABURAN HARTANAH

Hartanah perdagangan Kumpulan yang terletak di segi tiga emas Kuala Lumpur meliputi **KL Plaza**, **Plaza Berjaya** dan **Kompleks Kota Raya** menikmati kadar penghunian yang bertambah baik antara 77% hingga 81% pada tahun ini berbanding kadar antara 67% hingga 75% pada tahun sebelumnya. Kadar penghunian yang bertambah baik ini adalah hasil peningkatan secara berperingkat keadaan ekonomi bagi memulihkan keyakinan para pengusaha gedung perniagaan dan kembali menyertai pasaran dan ini juga telah mempertingkatkan permintaan untuk ruang niaga. Secara keseluruhan, semua kompleks telah menurunkan kadar sewa mereka untuk mengekalkan penyewa mereka yang sedia ada dan untuk mengekalkan daya saing.

Pembinaan struktur teflon yang besar bernilai RM3 juta di depan KL Plaza pada lewat tahun 1999 di bawah projek 'Bintang Walk' telah membawa satu daya tarikan kepada KL Plaza. Sejak itu, bilangan pembeli-belah dan pelancong yang mengunjungi KL Plaza bertambah. KL Plaza juga mampu menarik minat penyewa dengan jenama terkemuka seperti *Planet Hollywood*, *Starbucks*, *Coffee Bean* dan *Tower Records*. Baru-baru ini, dua penyewa baru telah membuka gedung di KL Plaza, iaitu *World of Cartoons/Nike Town*, yang menjual berbagai barangan serta aksesori sukan *World of Cartoons*, *Nike* dan *American Athletics* dan *MCities Live!*, gedung muzik dan hiburan setempat terbesar di Kuala Lumpur. Pembukaan kedua-dua gedung ini telah meningkatkan lagi populariti KL Plaza di kalangan penduduk bandaraya Kuala Lumpur.

Berjaya Megamall, Kuantan menikmati kadar penghunian 80% pada tahun yang ditinjau berbanding 71% pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini adalah hasil strategi pemasaran yang agresif dan inovatif dalam pajak sewa kedai dan program pengiklanan serta promosi yang dijalankan secara aktif. Hubungan erat dengan akhbar Cina, *Nanyang Siang Pau* yang terkemuka di Pantai Timur telah memberi liputan yang meluas kepada berbagai acara dan penulisan rencana mengenai penyewa kami dan ini telah membantu mempertingkatkan usaha pemasaran kami. **Berjaya Megamall** telah dikenali sebagai tempat bagi para artis terkenal mempromosi album baru mereka, pelancaran produk dan promosi bergerak seperti *Petronas Formula One* dan *Dunhill Euro 2000 Soccerfest*. **Berjaya Megamall** yang mendapat sokongan melalui berbagai acara promosi bulanan, mampu mengekalkan kedudukannya sebagai sebuah kompleks membeli-belah dengan gedung runcit, makanan dan hiburan setempat yang menyeluruh di Pantai Timur.

PEMBANGUNAN HARTANAH

TINJAUAN PASARAN HARTANAH

Selepas mengalami penyusutan yang ketara pada tahun 1998, kini ekonomi Malaysia sedang semakin berkembang dengan pesat. Data ekonomi terkini jelas menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia sedang mengalami pemulihan. Peningkatan semula ekonomi negara telah melahirkan keyakinan di pasaran hartanah pada tahun 1999. Pasaran hartanah telah diperkukuhkan lagi oleh langkah-langkah menyeluruh yang dijalankan oleh Kerajaan dan sektor swasta

untuk memulihkan industri hartanah dan pembinaan. Ini termasuk penetapan kadar faedah yang rendah, peningkatan kecairan dalam sistem kewangan, kempen pemilikan rumah dan beberapa langkah lain.

Pada tahun kewangan 1999/2000, Bahagian Hartanah berusaha secara aktif untuk mendapatkan kelulusan kerajaan yang diperlukan untuk berbagai projek pembangunan sebagai jangkaan pemulihan pasaran hartanah. Sumber Bahagian Hartanah juga ditumpukan kepada pembangunan dan pemasaran beberapa projek sedang dijalankan yang mencapai nilai jualan melebihi RM80 juta pada tahun kewangan 1999/2000 dan sehingga bulan Mei 2000.

PROJEK-PROJEK YANG SEDANG DIJALANKAN

Sebahagian besar tanah simpanan Kumpulan tertumpu di dalam kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor. Justeru itu, projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh Bahagian Hartanah kebanyakannya terletak di kedua-dua negeri ini. Setakat bulan Jun 2000, Bahagian Hartanah telah menyiapkan 396 unit hartanah, sementara 1,105 unit hartanah lagi kini sedang dalam berbagai peringkat pembinaan.

Greenfields Apartments di Bukit Jalil Golf & Country Resort yang meliputi tiga blok bertingkat tinggi yang mengandungi 482 unit dilancarkan dalam dua fasa sejak lewat tahun 1995. Fasa 1 mengandungi 326 unit dalam dua blok telah disiapkan pada tahun 1999, sementara Fasa 2 dengan 156 unit di blok ketiga telah siap dan diserahkan kepada para pembeli pada Januari 2000. Sehingga kini, 431 unit atau 89% telah dijual dan ini telah menjana jualan bernilai RM90.43 juta.

Satu lagi projek pembangunan bercampur yang serba lengkap dijalankan oleh Bahagian Hartanah adalah **Berjaya Park** di Jalan Kebun, Shah Alam. **Berjaya Park** Fasa 1 melibatkan pembangunan 104.25 ekar tanah perindustrian yang telah disiapkan pada tahun 1998. Sebanyak 136 unit rumah teres satu tingkat telah dilancarkan secara berperingkat sejak tahun 1998 dan sehingga kini, 124 unit atau 86% dengan jualan bernilai RM15.13 juta telah dijual. Rumah teres satu tingkat ini telah disiapkan dan pemilikan kosong telah diserahkan kepada para pembeli pada bulan Mei 2000. Sejak pertengahan 1999, Bahagian Hartanah telah melancarkan 264 unit rumah teres dua tingkat dalam berbagai peringkat. Sehingga kini, 234 unit atau 88.6% daripada rumah teres dua tingkat ini bernilai RM39.44 juta telah dijual. Rumah-rumah ini dijangka akan disiapkan mulai pertengahan tahun 2001.

Pada tahun kewangan 1999/2000, 72 unit rumah berangklai dua tingkat di **Taman Kinrara IV**, Puchong yang melibatkan jualan bernilai RM9.59 juta telah dilancarkan dan dijual. Pemilikan kosong unit-unit ini telah diserahkan kepada para pembeli pada akhir Julai 2000. Sebanyak 54 unit daripada 56 unit kedai/pejabat/pangsapuri empat tingkat yang terletak di **Taman Kinrara IV** juga yang melibatkan jualan bernilai RM7.69 juta telah dijual dan disiapkan bersama pengeluaran sijil kelayakan menduduki.

Kinrara Ria
Apartments and
Arena Green
Apartments'
promotional
leaflets.



During the 1999/2000 financial year, 72 units of double storey link houses in **Taman Kinrara IV**, Puchong with a total sales value of RM9.59 million were launched and sold. Vacant possession of these units were handed over to the purchasers at the end of July 2000. Also in Taman Kinrara IV, 54 units out of 56 units of 4-storey shops/offices/apartments with a total sales value of RM7.69 million have been sold and completed with certificate of fitness issued.

The market's response to the launching of **Kinrara Ria Apartments** in Taman Kinrara IV, Puchong has been very encouraging and further reinforce that the property market has bottomed out. Kinrara Ria Apartments which comprises 320 units of 3 room medium-cost apartments was launched in May 2000. To date, 178 units or 55.6% with a total sales value of RM15.60 million have been sold.

PROJECTS COMING ON STREAM

During the last financial year, the Property Division has been concentrating on the development of **Seputeh Heights**. This project which comprises 108 freehold luxurious bungalow lots, is a "first" of its kind in the country as the product will only be available for sale upon completion. Seputeh Heights is planned around the gated community concept and will be provided with 24-hour security and top of the range security features.

The Property Division was very excited with the scheduled launching of Phase I and Phase 2A of **Arena Green Apartments** in Bukit Jalil Golf & Country Resort in July 2000. The Arena Green Apartments comprises of 1,240 units of medium cost apartments. Phase 1 with 551 units in three blocks are priced at RM89,999 to RM99,999 for 2-room units and RM149,999 for 3-room units, generated a total sales value of RM56 million. Due to overwhelming response, Phase 1 and Phase 2A have been 100% and 85% sold out respectively.

Also in Bukit Jalil Golf & Country Resort, the Property Division is planning for the development of 543 units of condominiums. The plan on the proposed development has been submitted to the authorities and pending approval. This project is scheduled to be launched in early 2001.

The residential property sector remained as the leading sector of the property market with the focus of demand continued to centre on terrace houses. The Property Division has immediate plans to market the available 293 units of conventional terrace houses in Berjaya Park in various stages to capture this demand.

MARKET OUTLOOK

With the availability of cheap financing, improved consumer and business confidence, steady economic

recovery, better employment opportunities and higher wage expectation, the upward trend in the property market is expected to continue. The residential sector is expected to dominate the property market with the demand expected to be concentrated on the medium-cost housing priced below RM150,000. However, the demand for high end landed residential properties in choiced locations is also expected to improve in tandem with the improving economy.

